



**KEMENTERIAN SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI**  
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN  
PROGRAM *UPSKILLING FOR DEEPTECH & FUTURESKILLS***

**PASUKAN PETUGAS KHAS *DEEPTECH & FUTURESKILLS*  
MAJLIS PEKERJAAN NEGARA**

**2022**

Dikemaskini 14 Jun 2022

## SENARAI KANDUNGAN

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka surat</b>
1.	Maklumat Umum	3
2.	Permohonan	8
3.	Penilaian	10
4.	Keputusan dan Penempatan	14
5.	Pemantauan	16
6.	Peranan	17

**Lampiran A** – Carta Alir Proses Pelaksanaan Program *Upskilling for Deeptech & Futureskills*

**Lampiran B** – Terma Rujukan Jawatankuasa Teknikal

**Lampiran C** – Terma Rujukan Jawatankuasa Pemandu

**Lampiran D** – Cadangan Terma dan Syarat Program

## **BAHAGIAN 1**

### **MAKLUMAT UMUM**

#### **1.1 Pengenalan**

1.1.1 Program *Upskilling for Deeptech & Futureskills* merupakan inisiatif Kerajaan Malaysia melalui Majlis Pekerjaan Negara dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bagi mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia pasca-pandemik COVID-19.

1.1.2 Inisiatif ini telah diumumkan dalam pembentangan Ucapan Bajet 2022, FOKUS PERTAMA: RAKYAT YANG SEJAHTERA, Inisiatif 4: Menjana dan Mengekalkan Pekerjaan. JaminKerja Keluarga Malaysia (JaminKerja) menyediakan 600,000 peluang pekerjaan baharu dengan peruntukan sebanyak RM4.8 bilion. Sebanyak RM30 juta telah diperuntukkan kepada MOSTI untuk menerajui program latihan dan peningkatan kemahiran di bawah inisiatif ini, dengan sasaran pewujudan dan penempatan 5,000 peluang pekerjaan. Inisiatif JaminKerja bertujuan membantu rakyat Malaysia yang terkesan dengan pandemik COVID-19 untuk mendapatkan kerja dan kembali merancakkan ekonomi Malaysia.

#### **1.2 Kumpulan Sasar**

Kumpulan sasar bagi program *Upskilling for Deeptech & Futureskills* ini adalah individu yang sedang mencari kerja, pekerja yang kehilangan kerja, graduan universiti dan mereka yang tiada pendapatan tetap.

#### **1.3 Skop**

Skop bagi pelaksanaan program *Upskilling for Deeptech & Futureskills* ini melibatkan:

i. **Peningkatan set kemahiran/ kompetensi**

Peserta akan diberikan latihan yang sepadan dengan keperluan syarikat yang terlibat dan seterusnya diambil bekerja selama minima tiga (3) bulan.

ii. **Menjana pendapatan yang stabil**

Peserta akan berkerja / ditempatkan di syarikat berkenaan yang berdaftar dengan program ini selama minima tiga (3) bulan dan berpeluang untuk menjadi pekerja tetap syarikat berkenaan bergantung kepada prestasi peserta dan keperluan syarikat.

iii. **Memberi pengalaman bekerja**

Peserta akan bekerja / ditempatkan berdasarkan latihan yang diberikan dan memperoleh pengalaman bekerja di industri.

#### **1.4 Matlamat**

Cadangan mewujudkan inisiatif *Upskilling for Deeptech & Futureskills* bermatlamat membantu rakyat Malaysia terutama mereka yang hilang sumber pendapatan untuk kembali menjana pendapatan secara stabil dan mempunyai peluang untuk peningkatan set kemahiran berdasarkan keperluan industri disamping membangunkan keperluan modal insan negara dalam bidang sains dan teknologi.

#### **1.5 Objektif**

Objektif program adalah seperti berikut:

- i. Membantu industri mendapatkan pekerja yang berkredibiliti dan mempunyai kemahiran yang kompeten;
- ii. Memanfaatkan sumber tenaga kerja tempatan dalam pembangunan modal insan masa akan datang;
- iii. Membantu rakyat Malaysia menjana pendapatan yang stabil dan menyumbang kepada ekonomi negara; dan


- iv. Membangunkan kapasiti pekerja melalui pendedahan kepada keperluan sebenar di industri.

## 1.6 Kaedah Pelaksanaan

1.6.1 Program *Upskilling for Deeptech & Futureskills* dirangka dengan dua (2) kaedah pelaksanaan, iaitu:

- i. Peserta menjalani latihan/kursus dan kemudian diberikan penempatan pekerjaan pada industri-industri yang memerlukan; dan
- ii. Peserta menjalani latihan sepanjang tempoh berkhidmat di syarikat yang menyertai program ini.


1.6.2 Bagi kaedah pelaksanaan pertama, peserta menjalani kursus/latihan dan seterusnya bekerja dalam industri yang telah ditetapkan seperti di **Rajah 1**.



**Rajah 1: Peserta menjalani kursus/ latihan dan seterusnya penempatan di industri**

1.6.3 Melalui kaedah pelaksanaan ini, peserta akan diberikan latihan asas dan latihan yang diperlukan oleh industri sebelum ditempatkan.

1.6.4 Bagi kaedah pelaksanaan kedua, peserta akan berkhidmat di syarikat selama minima tiga (3) bulan dan akan menjalani latihan/ kursus dalam tempoh penempatan di syarikat tersebut. Mekanisme pelaksanaan adalah seperti di **Rajah 2**.



**Rajah 2: Peserta menjalani latihan sepanjang tempoh berkhidmat di syarikat yang menyertai program ini**

1.6.5 Melalui kaedah ini, peserta diberi latihan yang khusus dan secara *hands-on* oleh pihak majikan. Peserta akan ditempatkan pada unit atau bahagian yang bersesuaian dengan kelayakan serta keperluan syarikat.

## 1.7 Pembiayaan

1.7.1 Pembiayaan yang diberikan di bawah Program *Upskilling fo Deeptech & Futureskills* adalah bagi tanggungan yuran kursus/latihan peserta yang diambil bekerja dan ditempatkan di syarikat.

1.7.2 Peserta yang menyertai program ini wajib mendapat penempatan selama minima tiga (3) bulan dengan bayaran gaji / elaun oleh pihak syarikat. Bayaran gaji perlu mematuhi Perintah Gaji Minimum 2022 termasuk KWSP dan SOCSO. Sekiranya hanya elaun bulanan yang

diberikan, maka perkara ini adalah tidak tertakluk kepada Perintah Gaji Minimum 2022 termasuk KWSP dan SOCSO.

- 1.7.3 Pihak syarikat perlu mengemukakan pembuktian perbelanjaan latihan/kursus yang dibuat bagi tuntutan bayaran balik kewangan.
- 1.7.4 Tuntutan hendaklah dikemukakan kepada Agensi Pelaksana yang dilantik bagi tujuan pemantauan dan pengesahan sebelum pembayaran dibuat kepada pihak syarikat.
- 1.7.5 Had maksima perbelanjaan yang boleh dituntut bagi program ini termasuk perbelanjaan urus tadbir yang dipersetujui oleh Agensi Pelaksana dan syarikat adalah sebanyak RM6,000.00. Perbelanjaan ini adalah tertakluk kepada akta dan tatacara kewangan semasa yang berkuatkuasa.
- 1.7.6 Pemantauan dan pelaporan pelaksanaan program serta pasca program perlu disediakan oleh Agensi Pelaksana dan syarikat bagi tempoh satu (1) tahun selepas program tamat.

## **1.8 Carta alir proses**

Carta alir proses bagi pelaksanaan Program *Upskilling for Deeptech & Futureskills* adalah seperti di **Lampiran A**.

### **1.9 Sekretariat Pasukan Petugas Khas *Deeptech & Futureskills***

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenai program *Upskilling for Deeptech & Futureskills* ini boleh terus berhubung dengan sekretariat di MOSTI seperti berikut:

Sekretariat Pasukan Petugas Khas *Deeptech & Futureskills*

Bahagian Pembudayaan dan Perkhidmatan STI

Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovasi

Aras 5, Blok C5, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62662 PUTRAJAYA

No. Tel: 03-8885 8522 / 8093 / 8272

E-mel: [latihkerja@mosti.gov.my](mailto:latihkerja@mosti.gov.my)



## **BAHAGIAN 2**

### **PERMOHONAN**

#### **2.1 Industri**

##### **2.1.1 Syarat permohonan**

Syarat permohonan bagi program *Upskilling for Deeptech & Futureskills* ini adalah seperti berikut:

- i. terbuka kepada semua syarikat berdaftar di Malaysia;
- ii. syarikat merupakan industri berkaitan STI;
- iii. syarikat terpilih wajib mendaftarkan syarikat dan nama program serta kursus di laman sesawang [upskillmalaysia.gov.my/](http://upskillmalaysia.gov.my/)

##### **2.1.2 Peringkat Pemilihan**

Pemilihan syarikat akan ditentukan oleh Jawatankuasa Teknikal.

##### **2.1.3 Kriteria pertimbangan**

Kriteria asas pertimbangan bagi pemilihan syarikat adalah seperti berikut:

- i. syarikat merupakan industri berkaitan STI;
- ii. kursus dan peluang pekerjaan ditawarkan berdasarkan senarai pemacu S&T dan pemacu ekonomi di bawah Rangka Kerja 10-10 MySTIE;
- iii. berkeupayaan menyediakan penempatan kerja bagi tempoh minima tiga (3) bulan;
- iv. agensi penyedia latihan yang memohon wajib mempunyai kerjasama strategik dengan syarikat yang bersedia mengambil peserta untuk bekerja bagi tempoh minima tiga (3) bulan;

## **2.2 Peserta**

### **2.2.1 Syarat permohonan**

Peserta yang berminat untuk menyertai program ini hendaklah memenuhi syarat permohonan seperti berikut:

- i. warganegara Malaysia;
- ii. mempunyai latar belakang dalam bidang STI;
- iii. boleh memberi komitmen kerja sekurang-kurangnya untuk tempoh minima tiga (3) bulan dengan mana-mana syarikat yang dipadankan;
- iv. peserta terpilih perlu mendaftarkan maklumat diri melalui laman sesawang [upskillmalaysia.gov.my/](http://upskillmalaysia.gov.my/)

## **2.3 Peringkat Pemilihan**

Pemilihan peserta adalah tertakluk kepada bidang teknologi di bawah Rangka Kerja 10-10 MySTIE dan ditentukan oleh pihak syarikat.

## BAHAGIAN 3

### PENILAIAN

#### 3.1 Jawatankuasa Pemandu

3.1.1 Jawatankuasa Pemandu merupakan jawatankuasa di peringkat Kementerian yang berperanan membincangkan hala tuju program dan menetapkan perkara-perkara dasar yang perlu dilaksanakan dalam menambahbaik program ini.

3.1.2 Keahlian Jawatankuasa Pemandu *Upskilling for Deeptech & Futureskills* terdiri daripada:

- |   |                    |
|---|--------------------|
| i. Ketua Setiausaha MOSTI   | - Pengerusi        |
| ii. Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembudayaan Sains) | - Pengerusi Ganti  |
| iii. Ketua Pegawai Eksekutif, Akademi Sains Malaysia              | - Ahli Penasihat   |
| iv. Ketua Pengarah, Agensi Nuklear Malaysia                       | - Agensi Pelaksana |
| v. Ketua Pegawai Eksekutif, Cradle Fund Sdn. Bhd.                 | - Agensi Pelaksana |
| vi. Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan Modal Perdana               | - Agensi Pelaksana |
| vii. Pendaftar, Malaysia Board of Technology                      | - Agensi Pelaksana |
| viii. Ketua Pegawai Eksekutif, Malaysia Debt Ventures Berhad      | - Agensi Pelaksana |

- ix. Ketua Pegawai Eksekutif, Venture Capital Management Bhd - Agensi Pelaksana
- x. Ketua Pegawai Eksekutif, Malaysian Industry-Government Group for High Technology - Agensi Pelaksana
- xi. Ketua Pegawai Eksekutif, Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation - Agensi Pelaksana
- xii. Ketua Pegawai Eksekutif, Malaysian Technology Development Corporation - Agensi Pelaksana
- xiii. Ketua Pegawai Eksekutif, MIMOS Berhad - Agensi Pelaksana
- xiv. Ketua Pegawai Eksekutif, NanoMalaysia Berhad - Agensi Pelaksana
- xv. Ketua Pegawai Eksekutif, National Institutes of Biotechnology Malaysia - Agensi Pelaksana
- xvi. Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Inovasi Malaysia - Agensi Pelaksana
- xvii. Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembudayaan dan Perkhidmatan STI - Setiausaha

3.1.3 Terma rujukan Jawatankuasa ini adalah seperti di **Lampiran B**.

## **3.2 Jawatankuasa Teknikal**

3.2.1 Jawatankuasa Teknikal adalah jawatankuasa di peringkat Jabatan/ Agensi yang bertanggungjawab menilai dan mempertimbangkan perkara yang melibatkan permohonan peserta dan syarikat serta tuntutan kewangan bagi bayaran balik perbelanjaan yang telah dibuat oleh pihak syarikat. Jawatankuasa ini terdiri daripada:

- |       |   |   |            |
|-------|---|---|------------|
| (i)   | Ketua Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif<br>Jabatan/Agensi                                | - | Pengerusi  |
| (ii)  | Timbalan Ketua Pengarah/Timbalan Ketua<br>Pegawai Eksekutif Jabatan/Agensi              | - | Ahli       |
| (iii) | Wakil bahagian (mengikut bidang kepakaran<br>yang terlibat)                             | - | Ahli       |
| (iv)  | Wakil Jabatan/Agensi luar (bagi sebarang<br>projek yang melibatkan Jabatan/Agensi luar) | - | Ahli       |
| (v)   | Wakil Sekretariat Pasukan Petugas Khas<br><i>Deeptech &amp; Futureskills</i> MOSTI      | - | Ahli       |
| (vi)  | Urusetia <i>Deeptech &amp; Futureskills</i><br>Jabatan/Agensi                           | - | Setiausaha |

3.2.2 Pada peringkat ini, permohonan tuntutan mestilah lengkap dan mempunyai semua maklumat yang diperlukan oleh MOSTI dan Kementerian Kewangan Malaysia. Permasalahan dan keperluan lain perlulah dibentangkan kepada Jawatankuasa Teknikal dan akan dipertimbangkan berdasarkan kriteria berikut:

- i. Kesesuaian masalah;
- ii. Kekangan dalaman syarikat;
- iii. Kos yang terlibat; dan
- iv. Jangkaan tempoh masa penyelesaian serta impak terhadap program.

3.2.3 Terma rujukan jawatan kuasa ini adalah seperti di **Lampiran C**.

## **BAHAGIAN 4**

### **KEPUTUSAN DAN PENEMPATAN**

#### **4.1 Pemberitahuan Keputusan**

- 4.1.1 Pemberitahuan keputusan permohonan syarikat akan dikeluarkan oleh Agensi Pelaksana melalui surat atau e-mel kepada pihak syarikat.
- 4.1.2 Pemberitahuan keputusan permohonan peserta akan dikeluarkan oleh syarikat yang telah dilantik sebagai syarikat penerima mengikut kesesuaian bidang latihan/kursus yang dipadankan untuk peserta.

#### **4.2 Rundingan Terma dan Syarat Penempatan**

- 4.2.1 Keputusan penempatan peserta adalah berdasarkan kesesuaian dan padanan bidang latihan/kursus. Pihak syarikat dan agensi pelaksana MOSTI wajib memastikan setiap peserta diberikan latihan/kursus bersesuaian dan yuran latihan/kursus adalah dibawah tanggungan syarikat yang akan dibuat tuntutan balik di bawah program ini. Pihak syarikat dipertanggungjawabkan untuk memastikan peserta dibayar gaji mengikut Perintah Gaji Minimum 2022 termasuk KWSP dan SOCSO. Sekiranya hanya elaun bulanan yang diberikan, maka perkara ini adalah tidak tertakluk kepada Perintah Gaji Minimum 2022 termasuk KWSP dan SOCSO.
- 4.2.2 Segala bentuk syarat dan peraturan antara Syarikat Penerima yang dilantik dan Agensi Pelaksana perlu dinyatakan didalam MoU yang dipersetujui bersama.
- 4.2.3 Terma dan syarat penempatan peserta disepakati oleh pihak Syarikat Penerima yang dilantik dan Agensi Pelaksana hendaklah dikemukakan untuk semakan Unit Penasihat Undang-undang Agensi Pelaksana bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara.

## BAHAGIAN 5

### PEMANTAUAN

#### 5.1 Pemantauan Penempatan Peserta

- 5.1.1 Bagi memastikan Program *Upskilling for Deeptech & Futureskills* ini memberikan manfaat yang dihasratkan, Agensi Pelaksana akan melaksanakan pemantauan yang berterusan.
- 5.1.2 Pemantauan akan dilaksanakan berdasarkan kepada jadual perbatuan dan objektif yang telah ditetapkan dan dipersetujui bersama oleh kedua-dua belah pihak sebelum penempatan dibuat.
- 5.1.3 Di samping itu, pelaporan berkala secara bulanan juga hendaklah dikemukakan kepada pihak Sekretariat Pasukan Petugas Khas *Deeptech & Futureskills* menggunakan templat pelaporan yang disediakan.
- 5.1.4 Sekretariat Pasukan Petugas Khas *Deeptech & Futureskills* juga boleh melakukan penaziran bagi memastikan pelaburan Kerajaan dalam program *Upskilling for Deeptech & Futureskills* mencapai objektif yang digariskan.
- 5.1.5 Segala dapatan melalui pemantauan ini akan dilaporkan kepada Jawatankuasa Pemandu untuk makluman atau mendapatkan keputusan sekiranya diperlukan.

## **BAHAGIAN 6**

### **PERANAN**

#### **6.1 Peranan dan Tanggungjawab Syarikat Penerima yang dilantik**

- 6.1.1 Memberikan maklumat tuntutan mengikut templat yang disediakan dalam tempoh yang ditetapkan.
- 6.1.2 Syarikat perlu menyelesaikan penempatan ini dan mengemukakan laporan akhir sebelum 31 Oktober 2022.
- 6.1.3 Mengemukakan pelaporan dari semasa ke semasa kepada Agensi Pelaksana seperti yang dipersetujui di dalam MoU.
- 6.1.4 Memberikan komitmen pembayaran gaji mengikut Perintah Gaji Minimum 2022 berserta KWSP dan SOCSO. Sekiranya hanya elaun bulanan yang diberikan, maka perkara ini adalah tidak tertakluk kepada Perintah Gaji Minimum 2022 termasuk KWSP dan SOCSO.
- 6.1.5 Memberikan kerjasama sewajarnya terhadap pelaksanaan projek termasuk memberi akses fasiliti, premis dan maklumat berkaitan kepada Agensi Pelaksana atau wakil Sekretariat Pasukan Petugas Khas *Deeptech & Futureskills*.
- 6.1.6 Menerima lawatan naziran dari pihak Sekretariat Pasukan Petugas Khas *Deeptech & Futureskills*.
- 6.1.7 Menghadiri sesi pembentangan kepada Jawatankuasa Teknikal.
- 6.1.8 Menjaga kerahsiaan maklumat yang diperolehi daripada program yang disertai.

#### **6.2 Peranan dan Tanggungjawab Peserta**

- 6.2.1 Memberikan maklumbalas setuju terima tawaran pada masa yang ditetapkan.
- 6.2.2 Mengikuti kursus/latihan yang ditawarkan sehingga selesai.




- 6.2.3 Penempatan di syarikat yang ditetapkan dalam tempoh kontrak atau keluar dari kontrak sekiranya mendapat pekerjaan yang lebih baik atau sebab-sebab yang tertentu tertakluk kepada persetujuan syarikat dan peserta.
- 6.2.4 Menjaga kerahsiaan maklumat yang diperolehi daripada industri.

### **6.3 Peranan dan Tanggungjawab Agensi Pelaksana**


- 6.3.1 Memastikan Syarikat Penerima dilantik mematuhi semua terma dan syarat dalam MoU yang ditandatangani.
- 6.3.2 Membantu pihak sekretariat dari sudut penaziran dan pelaporan.
- 6.3.3 Melaksanakan pemantauan bagi memastikan penempatan mengikut terma, syarat, skop dan jadual perbatuan yang ditetapkan dan disusuli dengan pelaporan berkala secara bulanan kepada pihak sekretariat
- 6.3.4 Memastikan urusan maklumat tuntutan kewangan diselaras sewajarnya.
- 6.3.5 Menyelaras isu-isu berbangkit berkenaan penempatan untuk makluman dan keputusan jawatankuasa penilaian dan pepadanan.

## LAMPIRAN A

### 1) CARTA ALIR PROSES PELAKSANAAN PROGRAM *UPSKILLING FOR DEEPTech & FUTURESILLS* - SYARIKAT



2) CARTA ALIR PROSES PELAKSANAAN PROGRAM *UPSKILLING FOR DEEPTECH & FUTURESKILLS* - PESERTA



**TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA PEMANDU  
PROGRAM *UPSKILLING FOR DEEPTECH & FUTURESILLS***

**1. TUJUAN**

Jawatankuasa Pemandu merupakan jawatankuasa di peringkat kementerian yang berperanan membincangkan hala tuju program *Upskilling for Deeptech & Futureskills* dan menetapkan perkara-perkara dasar yang perlu dilaksanakan dalam menambahbaik program ini.

**2. LANTIKAN**

Ahli Jawatankuasa Pemandu dilantik oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

**3. KEAHLIAN**

3.1 Jawatankuasa Pemandu ini dianggotai oleh ahli-ahli seperti berikut:

- |   |                    |
|---|--------------------|
| i. Ketua Setiausaha MOSTI   | - Pengerusi        |
| ii. Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembudayaan Sains) | - Pengerusi Ganti  |
| iii. Ketua Pegawai Eksekutif, Akademi Sains Malaysia              | - Ahli Penasihat   |
| iv. Ketua Pengarah, Agensi Nuklear Malaysia                       | - Agensi Pelaksana |
| v. Ketua Pegawai Eksekutif, Cradle Fund Sdn. Bhd.                 | - Agensi Pelaksana |

- vi. Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan Modal Perdana - Agensi Pelaksana
- vii. Pendaftar, Malaysia Board of Technology - Agensi Pelaksana
- viii. Ketua Pegawai Eksekutif, Malaysia Debt Ventures Berhad - Agensi Pelaksana
- ix. Ketua Pegawai Eksekutif, Venture Capital Management Bhd - Agensi Pelaksana
- x. Ketua Pegawai Eksekutif, Malaysian Industry-Government Group for High Technology - Agensi Pelaksana
- xi. Ketua Pegawai Eksekutif, Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation - Agensi Pelaksana
- xii. Ketua Pegawai Eksekutif, Malaysian Technology Development Corporation - Agensi Pelaksana
- xiii. Ketua Pegawai Eksekutif, MIMOS Berhad - Agensi Pelaksana
- xiv. Ketua Pegawai Eksekutif, NanoMalaysia Berhad - Agensi Pelaksana
- xv. Ketua Pegawai Eksekutif, National Institutes of Biotechnology Malaysia - Agensi Pelaksana
- xvi. Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Inovasi Malaysia - Agensi Pelaksana
- xvii. Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembudayaan dan Perkhidmatan STI - Setiausaha

3.2 Pelantikan sebagai ahli jawatankuasa ini adalah diatas nama jawatan.

3.3 Pengerusi hendaklah mempengerusikan setiap mesyuarat.

3.4 Korum Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu terbentuk dengan Pengerusi dan tiga (3) orang ahli.

3.5 Ahli yang tidak dapat hadir boleh menghantar wakil.

3.6 Catatan minit mesyuarat hendaklah disediakan oleh sekretariat selaku Setiausaha dan diedar kepada ahli.

#### 4. **PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB**

4.1 Menentukan dasar dan hala tuju keseluruhan program *Upskilling for Deeptech & Futureskills*.

4.2 Menetapkan peraturan dan garis panduan pelaksanaan program *Upskilling for Deeptech & Futureskills*.

4.3 Membincangkan isu-isu berbangkit sepanjang pelaksanaan program *Upskilling for Deeptech & Futureskills*.

4.4 Membincangkan cadangan penambahbaikan program *Upskilling for Deeptech & Futureskills*.

4.5 Memantau serta menilai kemajuan dan keberkesanan program penempatan peserta di industri.

#### 5. **NON-DISCLOSURE AGREEMENT (NDA) DAN INTEGRITY PACT**

Ahli Jawatankuasa perlu menandatangani *Non-Disclosure Agreement (NDA)* dan *Integrity Pact* untuk melindungi kerahsiaan:

5.1 Laporan yang dihantar oleh agensi pelaksana;

5.2 Prosiding dan keputusan penilaian; dan

5.3 Semua bentuk maklumat yang didedahkan secara langsung atau tidak langsung sepanjang sesi penilaian.

## **6. CONFLICT OF INTEREST**

Ahli Jawatankuasa hendaklah sentiasa memberikan perhatian terhadap tindakan yang boleh dianggap berlaku *conflict of interest* dalam pelaksanaan program *Upskilling for Deeptech & Futureskills* ini. Percanggahan kepentingan ditakrifkan sebagai apa-apa keadaan di mana ahli jawatankuasa mempunyai kepentingan langsung atau kepentingan-kepentingan lain yang mempengaruhi atau berkemungkinan mempengaruhi pertimbangan yang sepatutnya dalam pelaksanaan program ini. Mana-mana ahli jawatankuasa yang mempunyai kepentingan hendaklah mengemukakan jenis kepentingan kepada urus setia dan akan dikecualikan sebagai ahli jawatankuasa.

## **7. KEKERAPAN MESYUARAT**

Mesyuarat bersidang mengikut suku tahun dengan kekerapan 4 kali setahun atau mengikut keperluan semasa.

## **8. KEPUTUSAN MESYUARAT**

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu adalah muktamad.

## **9. PEMAKAIAN**

Terma rujukan ini diguna pakai mulai 1 April 2022.

### **Disediakan oleh:**

Sekretariat Pasukan Petugas Khas *Deeptech & Futureskills*  
Bahagian Pembudayaan & Perkhidmatan STI  
Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi

**TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA TEKNIKAL  
PROGRAM *UPSKILLING FOR DEEPTECH & FUTURESILLS***

**1. TUJUAN**

Jawatankuasa Teknikal merupakan jawatankuasa di peringkat Jabatan/Agensi (Agensi Pelaksana) yang menilai dan mempertimbangkan permohonan peserta dan syarikat serta maklumat tuntutan kewangan perbelanjaan Program *Upskilling for Deeptech & Futureskills*.

**2. LANTIKAN**

Ahli Jawatankuasa Teknikal Program *Upskilling for Deeptech & Futureskills* dilantik oleh Ketua Jabatan/Agensi.

**3. KEAHLIAN**

3.1 Jawatankuasa Teknikal ini dianggotai oleh ahli-ahli seperti berikut:

- |   |   |           |
|---|---|-----------|
| (i) Ketua Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif Jabatan/Agensi                                 | - | Pengerusi |
| (ii) Timbalan Ketua Pengarah/Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Jabatan/Agensi              | - | Ahli      |
| (iii) Wakil bahagian (mengikut bidang kepakaran yang terlibat)                            | - | Ahli      |
| (iv) Wakil Jabatan/Agensi luar (bagi sebarang projek yang melibatkan Jabatan/Agensi luar) | - | Ahli      |
| (v) Wakil Sekretariat Pasukan Petugas Khas <i>Deeptech &amp; Futureskills</i> MOSTI       | - | Ahli      |



(vi) Urusetia *Deeptech* & *Futureskills* - Setiausaha  
Jabatan/Agensi

3.2 Pelantikan ahli Jawatankuasa Teknikal adalah atas nama jawatan.

3.3 Pengerusi hendaklah mempengerusikan setiap mesyuarat. Sekiranya beliau tidak dapat hadir, beliau boleh menanggung atau mengarahkan mana-mana timbalannya sebagai pengerusi ganti.

3.4 Korum Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal terbentuk dengan kehadiran Pengerusi dan dua (2) orang ahli tetap atau wakil.

3.5 Sekiranya pelaksanaan program perlu melibatkan Jabatan/Agensi lain, wakil dari Jabatan/Agensi yang berkenaan hendaklah turut dijemput menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ini.

#### **4. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA TEKNIKAL**

4.1 Menghadiri sesi pembentangan oleh pihak syarikat yang dilantik bagi permohonan pelaksanaan program dan tuntutan bayaran balik perbelanjaan di bawah Program *Upskilling for Deeptech & Futureskills*.

4.2 Menilai dan mempertimbangkan cadangan dan penambahbaikan penempatan peserta di Syarikat Penerima yang dilantik.

#### **5. PENGUNDIAN DAN KEPUTUSAN**

Keputusan yang diambil perlu melalui kata sepakat dan diselaraskan oleh Pengerusi Jawatankuasa Teknikal. Pengerusi mempunyai kata putus jika kata sepakat tidak dicapai.

## **6. NON-DISCLOSURE AGREEMENT (NDA) DAN INTEGRITY PACT**

Ahli Jawatankuasa perlu menandatangani *Non-Disclosure Agreement* (NDA) dan *Integrity Pact* untuk melindungi kerahsiaan:

6.1 Kertas kerja yang dihantar oleh pemohon;

6.2 Prosiding dan keputusan penilaian; dan

6.3 Semua bentuk maklumat yang didedahkan secara langsung atau tidak langsung sepanjang sesi penilaian.

## **7. CONFLICT OF INTEREST**

Ahli Jawatankuasa hendaklah sentiasa memberikan perhatian terhadap tindakan yang boleh dianggap berlaku *conflict of interest* dalam pelaksanaan program *Upskilling for Deeptech & Futureskills* ini. Percanggahan kepentingan ditakrifkan sebagai apa-apa keadaan di mana ahli jawatankuasa mempunyai kepentingan langsung atau kepentingan-kepentingan lain yang mempengaruhi atau berkemungkinan mempengaruhi pertimbangan yang sepatutnya dalam pelaksanaan program ini. Mana-mana ahli jawatankuasa yang mempunyai kepentingan hendaklah mengemukakan jenis kepentingan kepada urus setia dan akan dikecualikan sebagai ahli jawatankuasa.

## **8. PANDUAN PENILAIAN**

Jawatankuasa perlu menimbang dan meluluskan setiap permohonan berdasarkan:

- i. Kesesuaian masalah;
- ii. Kekangan dalaman syarikat;
- iii. Kos yang terlibat; dan
- iv. Jangkaan tempoh masa penyelesaian serta impak terhadap program

## **8. KEKERAPAN MESYUARAT**

Mesyuarat bersidang mengikut keperluan semasa berdasarkan permohonan dan tuntutan yang dikemukakan oleh Syarikat Penerima yang dilantik.

## **9. PEMAKAIAN**

Terma rujukan ini diguna pakai mulai 1 April 2022.

### **Disediakan oleh:**

Sekretariat Pasukan Petugas Khas *Deeptech & Futureskills*  
Bahagian Pembudayaan & Perkhidmatan STI  
Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi

## TERMA DAN SYARAT PROGRAM

KOMPONEN	LATIHAN DI SYARIKAT PENYEDIA LATIHAN	LATIHAN DALAM TEMPOH PEKERJAAN PADA SYARIKAT YANG DITEMPATKAN
<b>Mekanisme Penempatan</b>	Latihan di syarikat penyedia latihan kemudian ditempatkan di industri.	Latihan dan bekerja sepenuh masa di syarikat.
<b>Tempoh Penempatan</b>	Penempatan peserta minima tiga (3) bulan.	
<b>Yuran Latihan/Kursus</b>	Insentif kewangan akan diberikan berdasarkan tuntutan bayaran balik dan mengikut tatacara kewangan.	
<b>Tempoh Latihan/Kursus</b>	Berdasarkan keperluan kerja yang bakal diberikan kepada peserta.	
<b>Gaji/Elaun</b>	Dibayar oleh syarikat penempatan peserta (mengikut Perintah Gaji Minimum 2022 dan wajib dibayar KWSP & SOCSO). Sekiranya hanya elaun bulanan yang diberikan, maka perkara ini adalah tidak tertakluk kepada Perintah Gaji Minimum 2022 termasuk KWSP dan SOCSO.	

<b>Bantuan Khas Kewangan/ Imbuhan Tahunan/ Bayaran Khas Prestasi/ Bonus</b>	Tertakluk kepada syarikat penempatan peserta.
<b>Cuti</b>	Tertakluk kepada syarikat penempatan peserta.
<b>Kemudahan Kediaman</b>	Tertakluk kepada syarikat penempatan peserta.
<b>Kemudahan Perubatan</b>	Tertakluk kepada syarikat penempatan peserta.
<b>Kemudahan Lain</b>	Tertakluk kepada syarikat penempatan peserta.
<b>Waktu Bekerja</b>	Tertakluk kepada kontrak yang dipersetujui syarikat dan peserta.
<b>Pematuhan Peraturan Dan Tatatertib</b>	Tertakluk kepada kontrak yang dipersetujui syarikat dan peserta.
<b>Kursus/ Latihan</b>	Latihan wajib disediakan kepada semua peserta yang terlibat dalam program ini.
<b>Perlindungan Bencana Kerja</b>	Tertakluk kepada kontrak yang dipersetujui syarikat dan peserta.
<b>Pemendekan/ Penamatan Tempoh Penempatan</b>	Tertakluk kepada kontrak yang dipersetujui syarikat dan peserta.